

Keperluan Penguasaan Bahasa Asing Dalam Kalangan Pelajar Oku (Orang Kelainan Upaya) Fizikal Di Universiti Malaysia Kelantan: Kertas Cadangan

See Soo Yin

Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah, Universiti Malaysia Kelantan,
Kelantan, Malaysia
Email: see@umk.edu.my

Liyana Ahmad Afip

Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah, Universiti Malaysia Kelantan,
Kelantan, Malaysia
Email: liyana.a@umk.edu.my

Abstrak

Walaupun mempunyai kekurangan sama ada dari segi anggota (penglihatan, pendengaran, atau fizikal) ataupun mental, golongan OKU (Orang Kelainan Upaya) di Malaysia tidak pernah ketinggalan menyumbang bakti dan jasa terhadap pembangunan negara. Namun, sejauh manakah mereka mampu bersaing dalam arus pemodenan negara yang pesat ini terutama dari segi persaingan mendapatkan pekerjaan? Justeru, kajian ini ingin mengkaji persepsi golongan OKU fizikal terhadap penguasaan bahasa khususnya bahasa asing sebagai memenuhi syarat untuk mendapatkan pekerjaan serta mengenalpasti persepsi majikan (yang pernah/sedang mengkaji golongan OKU sebagai pekerja) tentang ciri-ciri kemahiran insaniah (*soft skills*) selain daripada kemahiran berkomunikasi yang perlu ada pada OKU untuk keperluan pekerjaan. Kajian tinjauan berbentuk kuantitatif ini akan dijalankan ke atas 15 orang pelajar OKU fizikal dari Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dengan menggunakan teknik persampelan bertujuan, iaitu satu set soal selidik serta kaedah temubual majikan (kualitatif). Kajian ini diharap dapat memberi kesedaran kepada golongan OKU tentang kepentingan menguasai bahasa asing sebagai nilai tambah untuk bersaing mendapatkan pekerjaan serta dapat menggalakkan pihak majikan terutama dari sektor pekerjaan profesional supaya memberi ruang dan bersedia untuk menerima golongan OKU bekerja dengan mereka.

KATA KUNCI:

Bahasa asing, pelajar OKU, peluang pekerjaan, kemahiran insaniah, persepsi majikan.

PENGENALAN

Golongan Orang Kelainan Upaya (OKU) merupakan golongan yang tidak pernah diabaikan dalam pembangunan dan kemajuan negara. Seperti mana golongan upaya yang lain, sumbangan golongan OKU terhadap penjana ekonomi negara tidak pernah dinafikan. Dalam sektor pekerjaan, golongan OKU dikategorikan sebagai '*Latent Workforces*', iaitu golongan luar gunatenaga buruh yang berpotensi untuk diambil bekerja dalam sektor awam dan swasta. Keperihatinan kerajaan terhadap kebajikan golongan OKU dapat dilihat melalui beberapa skim yang ditawarkan, antaranya adalah Skim Bantuan Galakan Perniagaan Orang Kurang Upaya (SBGP-OKU) bagi tujuan memajukan sektor ekonomi mereka. Skim ini disediakan dalam bentuk geran bagi membantu golongan usahawan kecil OKU mengembangkan perniagaan sekali gus menyediakan peluang-peluang pekerjaan untuk lebih ramai golongan OKU yang lain dimana peruntukan sebanyak RM 22 juta telah diberikan sebagai modal bantuan untuk golongan OKU ini melalui Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9). Selain itu, satu Skim Penggajian Orang Kurang Upaya (SPOKU) telah diperkenalkan oleh Jabatan Tenaga Kerja. Skim ini yang diperkenalkan ini sejajar dengan Konvensyen Hak-hak Bagi Orang Kurang Upaya yang telah termaktub di bawah Seksyen 29 Akta Orang Kurang Upaya 2008 (Akta 685) dimana golongan OKU mempunyai hak atau peluang bagi mendapatkan pekerjaan seperti mana orang upaya (Laman Web Rasmi Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia, 2011).

Apabila berbicara tentang kajian terhadap golongan OKU (Orang Kelainan Upaya), rata-rata kajian lebih menjurus kepada langkah-langkah menangani masalah pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan mereka. Walaupun golongan ini menghadapi masalah dalam pembelajaran kerana faktor-faktor kekurangan dalam diri mereka, namun kekurangan tersebut tidak menjadi faktor penghalang bagi mereka untuk cemerlang dalam bidang akademik serta menonjolkan potensi diri yang ada. Selain masalah pengajaran dan pembelajaran yang sering diperkatakan, apa yang lebih utama dan

perlu diberi perhatian adalah peluang golongan OKU dalam mendapatkan pekerjaan. Dalam kajian ini, pengkaji ingin mengenalpasti pandangan golongan OKU (Orang Kelainan Upaya) terhadap penguasaan bahasa khususnya bahasa asing sebagai memenuhi syarat untuk mendapatkan pekerjaan serta mendapatkan pandangan majikan tentang ciri-ciri yang perlu ada pada OKU dalam memenuhi kriteria supaya mereka boleh menonjolkan kelebihan untuk menarik majikan supaya mengambil mereka untuk bekerja.

Golongan OKU Dalam Sektor Pekerjaan

Kesukaran golongan OKU memperolehi pekerjaan akibat daripada ketidakadilan atau sikap berat sebelah segelintir majikan dan pandangan serong masyarakat sekeliling merupakan satu perkara yang kerap kali berlaku. Sebelum ini, penggunaan istilah seperti ‘orang cacat’ serta istilah ‘kurang’ bagi singkatan OKU (Orang Kurang Upaya) dilihat boleh menyentuh perasaan golongan ini kerana istilah itu menggambarkan sesuatu yang negatif (Norazit, 2010). Menurut Kamus Dewan (2010), istilah ‘kurang’ bermaksud ‘tidak atau kurang cukup; tidak berapa (baik, maju, sihat, dan lain-lain); tidak sempurna’, dan istilah ‘cacat’ sebagai ‘kekurangan atau keadaan kurang sempurna (lengkap, baik) pada badan (benda, perbuatan, akhlak, batin, dan lain-lain); cela’. Definisi OKU (Orang Kurang Upaya) menurut Laman Web Rasmi Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (2011), “Individu yang mengalami kecacatan fizikal atau kecacatan akal yang berbangkit sama ada secara semulajadi atau akibat kecelakaan atau penyakit tetapi boleh menjalankan pekerjaan” (Laman Web Rasmi Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia, 2011).

Sementara itu, penerimaan golongan OKU dalam sektor pekerjaan dilihat dari segi keupayaan mereka menjalankan sesuatu kerja. Jadual 1 memaparkan jenis kerja yang sesuai mengikut kategori OKU menurut Zinaida (2006):

Jadual 1: Jenis-jenis Kerja Yang Sesuai Mengikut Kategori OKU:

OKU Penglihatan	OKU Pendengaran	OKU Fizikal	OKU Mental
<ul style="list-style-type: none"> • Bidang kerja profesional • Pensyarah • Guru • Penulis • Juruhebah • Ahli perniagaan • Operator telefon • Operator pengeluaran • Perkhidmatan pelanggan • Tukang urut • <i>Telemarketer</i> • Piano <i>tuner</i> 	<ul style="list-style-type: none"> • Juruteknik • Ahli sukan • Tukang kebun • Tukang masak • Pereka fesyen • Pemandan rambut • Juru analisis sistem • Operator data entri • Kerja-kerja pengeluaran • Kerja-kerja yang tidak melibatkan komunikasi lisan dan daya pendengaran yang tinggi 	<ul style="list-style-type: none"> • Attendan kereta • Penjaga lif • Operator pengeluaran • Kerani • <i>Computer work</i> • Jurujual • Analisis sistem • Operator telefon • Jurutaip • Penulis • Pereka fesyen • Penyambut tetamu • Akaun • Peguam 	<ul style="list-style-type: none"> • Pekerja am • Pengawal kualiti • Anggota kumpulan • <i>Packaging</i> • Tukang masak • Tukang jahit • Dobi • Pembantu kedai • Tukang kebun • Pemandan rambut

Sumber: Zinaida (2006)

Kemahiran Berkomunikasi Dalam Bahasa Asing Sebagai Nilai Tambah Mendapatkan Pekerjaan

Bahasa merupakan satu perantaraan atau medium yang digunakan untuk berkomunikasi antara satu sama lain. Di Malaysia, bahasa Melayu merupakan bahasa rasmi untuk semua lapisan masyarakat berbilang kaum di negara ini. Menurut Wan Zarina et al. (2007) bahasa yang dituturkan atau dipelajari selain daripada bahasa Melayu dikenali sebagai bahasa asing. Bahasa seperti bahasa Melayu, bahasa Cina dan bahasa Inggeris juga dikenali sebagai ‘bahasa moden’, yakni bahasa yang masih hidup dan berkembang serta digunakan sehingga hari ini (Kamus Dewan, 2010).

Sementara itu, kemahiran berkomunikasi boleh dikatakan sebagai ciri utama yang perlu ada pada seseorang bagi mempromosikan diri dalam usaha mendapatkan pekerjaan. Majikan kebiasaannya tertarik untuk mengambil pekerja yang boleh berkomunikasi dengan baik. Oleh itu, pelbagai usaha kerajaan dapat diperhatikan menerusi penawaran kursus-kursus bahasa asing bermula daripada sekolah rendah hingga ke peringkat universiti dalam bidang pendidikan. Di peringkat universiti, pelbagai kursus kemahiran bahasa ditawarkan kepada para pelajar sama ada sebagai kursus elektif mahupun kursus wajib. Kepentingan bahasa kedua (*second language*) yakni bahasa Inggeris

di peringkat tempatan dan antarabangsa meletakkan bahasa ini sebagai kursus bahasa terpenting dan biasanya diwajibkan kepada semua pelajar universiti. Kursus bahasa Inggeris yang ditawarkan di peringkat universiti adalah disesuaikan mengikut keperluan semasa, contohnya *English as a Second Language*, *English as a Foreign Language*, *English for General Academic Purposes*, *English for Language Teaching*, *English for Occupational Purposes*, *English for Academic Purposes*, *English for Professional Purposes*, *English for Science and Technology*, dan lain-lain (Jordan, 1997). Selain kursus bahasa Inggeris, bahasa asing lain yang kebiasaannya ditawarkan sebagai kursus elektif di universiti adalah seperti bahasa Mandarin, bahasa Arab, bahasa Jepun, bahasa Sepanyol, bahasa Perancis, bahasa Thai, bahasa Tamil, bahasa Rusia dan lain-lain.

PERMASALAHAN KAJIAN

Sehingga kini, terdapat 20 universiti awam di Malaysia, antaranya seperti Universiti Malaya (UM) yang merupakan universiti awam tertua yang ditubuhkan sejak tahun 1961 manakala universiti yang menjadi lokasi kajian, iaitu Universiti Malaysia Kelantan (UMK) merupakan universiti ke-19 yang telah ditubuhkan pada tahun 2006 di negara ini. Selain itu, terdapat kira-kira 60 Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) seperti Universiti Teknologi Petronas dan Universiti Tenaga Nasional (Laman Web Rasmi Jabatan Pengajian Tinggi, 2013). Menurut Kementerian Pengajian Tinggi, universiti-universiti ini dan juga politeknik di seluruh negara telah mengeluarkan 184,581 graduan pada tahun 2011. Bagaimanapun, 44,391 atau 24 peratus daripada jumlah tersebut tidak mempunyai pekerjaan. Menurut hasil kajian terkini yang dijalankan oleh Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Sumber Manusia pada tahun 2012, terdapat seramai 76,200 graduan di Malaysia yang masih belum mempunyai pekerjaan. Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Maznah Mazlan memberitahu bahawa statistik juga menunjukkan seramai 21,248 pemegang ijazah masih belum mempunyai pekerjaan manakala bagi pemegang diploma, hanya tiga peratus daripada

jumlah graduan yang menganggur keseluruhannya. Menurut laporan akhbar Utusan (2010) bertajuk “Lima Punca Pelajar Siswazah Gagal Dapat Kerja” yang bertarikh 28 Februari 2010, terdapat lima punca yang menyebabkan siswazah gagal mendapatkan pekerjaan, antaranya kurang latihan industri, lemah dalam penguasaan Bahasa Inggeris dan kemahiran komunikasi, tidak mahir menyelesaikan masalah, suka bertukar tempat kerja dan kurang keyakinan diri.

Terdapat banyak sumbang saran yang telah diberikan oleh pelbagai pihak bagi membantu graduan bagi memperlengkapkan diri sebelum mendapatkan pekerjaan. Namun, terdapat golongan yang tidak mendapat perhatian dalam isu ini iaitu golongan graduan OKU. Kerajaan telah berusaha untuk membantu golongan ini dengan membuka peluang pekerjaan kepada OKU dalam sektor awam melalui Dasar Satu Peratus Peluang Pekerjaan berdasarkan Pekeliling Pekhidmatan Bil. 10/1988 dan dipertingkatkan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bil 3/2008 yang mula dikuatkuasakan pada 1 April 2008. Bagi sektor swasta pula, satu jawatankuasa yang dikenali sebagai Jawatankuasa Penggalakan Penggajian Orang Cacat Di Sektor Swasta telah ditubuhkan dalam tahun 1990 dibawah Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia telah mewujudkan Kod Amalan Penggajian Orang Kurang Upaya di Sektor Swasta. Malangnya, akta yang ditubuhkan ini dianggap sekadar retorik kerana ia tidak dapat membantu memperjuangkan nasib golongan OKU. Antara contoh yang diangkat oleh Imlan Adabi (2010) adalah saudari Siti Huraizah Ruslan iaitu seorang OKU yang cemerlang dalam pendidikan namun haknya dinafikan untuk berpeluang mengisi jawatan setimpal dengan kelayakannya atas alasan kecacatan yang bakal menyukarkan tugasnya untuk mendidik siswa di menara gading. Walaupun dia lulus cemerlang di pusat pengajian yang sama, namun penemuduga mempunyai alasan tersendiri untuk menafikan keupayaannya bekerja. Kini, dia sekadar bertugas di suatu tempat yang tidak setimpal dengan kelulusan dan kemahiran yang dimiliki dan hanya dibayar RM1,200 sebulan.

Hal inilah yang menjadi kekusaran pada setiap bakal graduan OKU, dimana mereka bimbang tidak akan mendapat pekerjaan walaupun mendapat keputusan yang cemerlang dan berkemahiran tinggi berbanding rakan mereka yang normal. Faktor kekurangan fizikal ini tidak dapat dielakkan, namun golongan ini mampu untuk memenangi hati majikan jika mereka memiliki nilai tambah yang tidak dimiliki oleh graduan normal yang lain. Justeru itu, kajian yang akan dijalankan ini mencadangkan penguasaan bahasa asing sebagai nilai tambah bagi pelajar OKU mendapat pekerjaan. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji persepsi pelajar OKU terhadap penguasaan bahasa khususnya bahasa asing sebagai memenuhi syarat untuk mendapatkan pekerjaan. Selain itu juga, ia dijalankan bagi mengenalpasti pandangan majikan yang pernah atau sedang menggaji OKU tentang ciri-ciri kemahiran insaniah (*soft skills*) selain daripada kemahiran berkomunikasi yang perlu ada pada OKU untuk keperluan pekerjaan dan secara tidak langsung dapat memberi kesedaran dan ruang untuk golongan ini bekerja.

OBJEKTIF KAJIAN:

1. Mengkaji persepsi pelajar OKU (Orang Kelainan Upaya) terhadap penguasaan bahasa khususnya bahasa asing sebagai memenuhi syarat untuk mendapatkan pekerjaan.
2. Menenalpasti pandangan majikan (yang pernah/sedang menggaji OKU) tentang ciri-ciri kemahiran insaniah (*soft skills*) selain daripada kemahiran berkomunikasi yang perlu ada pada OKU untuk keperluan pekerjaan.

METODOLOGI KAJIAN

Kaedah Penyelidikan

Soal Selidik (Kuantitatif)

Kajian ini merupakan kajian tinjauan berbentuk kuantitatif dan kualitatif. Teknik persampelan kajian yang akan digunakan adalah teknik persampelan bertujuan '*purposive sampling*'. Dalam teknik ini, pengkaji biasanya akan menetapkan terlebih dahulu siapa yang akan dipilih sebagai responden kajian bersesuaian dengan apa yang dikehendaki oleh pengkaji terhadap responden yang disasarkan, serta menetapkan berapa ramai bilangan responden yang akan terlibat dalam sesuatu kajian (Bernard, 2000). Dalam persampelan bertujuan ini, pengkaji meletakkan terlebih dahulu ciri-ciri yang perlu ada pada seseorang responden, antaranya ialah responden sama ada lelaki mahupun perempuan mestilah dalam kalangan para pelajar OKU (Orang Kelainan Upaya) fizikal dan telah atau sedang mengikuti kursus bahasa asing di Universiti Malaysia Kelantan (UMK). Soal selidik ini akan dijalankan terhadap 15 orang pelajar OKU fizikal dari UMK ini.

Temubual (Kualitatif)

Pengkaji akan menjalankan temubual bersama beberapa orang majikan tentang pandangan mereka terhadap pengambilan pekerja OKU (Orang Kelainan Upaya) tentang ciri-ciri kemahiran insaniah (*soft skills*) yang perlu ada selain daripada kemahiran berkomunikasi yang perlu dilengkapi oleh seseorang OKU khususnya lepasan universiti. Majikan yang dipilih sebagai responden kajian merupakan dalam kalangan majikan yang pernah atau sedang menggaji pekerja OKU.

Instrumen Kajian

Instrumen kajian merupakan satu set soal selidik yang akan diagihkan kepada para pelajar OKU (Orang Kelainan Upaya) yang sedang mengikuti pengajian di Universiti Malaysia Kelantan (UMK).

Jadual 2 memaparkan butiran soal selidik yang akan diagihkan kepada responden:

Jadual 2: Butiran Soal Selidik

Bahagian	Butiran
I	- Profil demografi responden
II	- Jenis pekerjaan yang disukai oleh responden - Persepsi responden terhadap pembelajaran bahasa asing sebagai nilai tambah pekerjaan - Masalah yang dihadapi oleh responden semasa pembelajaran dalam kelas (khususnya kelas bahasa asing)

Dalam kaedah temubual bersama majikan yang menjadi responden kajian, alat-alat seperti perakam, buku catatan dan pen akan digunakan untuk merekod perbualan bersama majikan sepanjang temubual dijalankan. Soalan-soalan yang akan diajukan kepada majikan dalam kajian ini menjurus kepada persepsi mereka terhadap keperluan melengkapkan diri dari segi kemahiran berkomunikasi (khususnya dalam bahasa asing) oleh pelajar OKU lepasan universiti serta ciri-ciri kemahiran insaniah (*soft skills*) yang ada supaya para pelajar ini lebih berpeluang mendapat pekerjaan yang diingini.

JANGKAAN HASIL KAJIAN

Walaupun terdapat ramai golongan OKU (Orang Kelainan Upaya) yang menonjol dalam bidang akademik dan sebagainya, namun penerimaan mereka dalam kalangan masyarakat umum masih lagi menjadi isu yang perlu dibincangkan. Pengkaji berharap agar dapatan kajian yang diperolehi nanti dapat membantu golongan OKU khususnya lepasan universiti untuk memahami kehendak majikan dan keperluan pasaran kerja supaya mereka akan melengkapkan potensi diri untuk bersaing

mendapatkan pekerjaan. Selain itu, kajian ini diharap dapat menyedarkan masyarakat umum bahawa golongan OKU sama seperti golongan upaya yang lain, sentiasa berusaha dalam apa jua keadaan bagi mendapat tempat serta peluang untuk terus maju ke hadapan. Oleh yang demikian, peranan haruslah dimainkan oleh pihak berwajib serta masyarakat sekeliling untuk memastikan golongan ini tidak tertindas dan sentiasa diberi ruang dan peluang sama seperti orang lain.

RUJUKAN

- Bernard, H.R. (2000). *Social research method : Qualitative and quantitative approaches*. California: Sage Publications.
- Blog Rasmi Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. (2012). <http://blog.mohe.gov.my/2012/11/punca-graduan-sukar-dapat-kerja.html> [9 Mei 2013].
- Imlan Adabi (2010). Akta bela nasib OKU jangan sekadar retorik. *Berita Harian Online*. <http://www.bharian.com.my/article> [13 Mei 2013].
- Jordan, R.R. (1997). *English for Academic Purposes: A Guide and Resource Book for Teachers*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Kamus Dewan*. (2010). Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Laman Web Rasmi Jabatan Pengajian Tinggi. (2013). <http://jpt.mohe.gov.my/IPT%20MALAYSIA/SENARAI%20IPTA.php>
- Laman Web Rasmi Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia. (2011). http://jtksm.mohr.gov.my/index.php?option=com_content&view=article&id=212%3Adefinisi-latent-workforces&catid=90%3Alatent-workforce&Itemid=560&lang=ms# [6 Mei 2013].
- Lima Punca Pelajar Siswazah Gagal Dapat Kerja. (28 Februari 2010). *Utusan Melayu*. http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2010&dt=0301&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_16.htm [13 Mei 2013].
- Norazit, L.K. (2010). How much difference can one 'word' make? Changing perceptions of disability in Malaysia. *International Journal of Arts and Sciences*, 3(15), 266 – 284.
- Pekeliling Perkhidmatan Bil. 16. (2010). <http://www.jpa.gov.my/docs/pp/2010/16/pp162010.pdf> [13 Mei 2013].
- Wan Zarina Wan Zakaria, Azizah Rajab, Norfazila Sayuti & Nur Al-Huda Hashim. (2007). Kajian tahap keresahan di kalangan pelajar bahasa asing terhadap mata pelajaran bahasa asing. *Universiti Teknologi Malaysia*. <http://eprints.utm.my/5784/> [13 Mei 2013].

Zinaida Ariffin. (2006). *Kerjaya Untuk Orang Kurang Upaya*. Bentong: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.